

KENYATAAN AKHBAR

Untuk siaran segera

Ipoh Sentral: Nadi Baharu Ipoh

Perkongsian Strategik Mendorong Pembangunan Bersepadu Berteraskan Mesra Pengangkutan Awam

IPOH, PERAK, 23 JANUARI 2025: Ipoh Sentral Sdn Bhd (ISSB) dan Country Annexe Sdn. Bhd. (CASB), anak syarikat milik penuh Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), hari ini telah menandatangani Memorandum Perjanjian (MOA) untuk mengumumkan kerjasama mereka dalam membangunkan Ipoh Sentral, sebuah pembangunan berorientasikan transit (Transit-Oriented Development atau TOD).

Memorandum Perjanjian ini telah ditandatangani oleh Yang Berbahagia Datuk Imran Salim, Pengarah Urusan Kumpulan, MRCB mewakili CASB, manakala ISSB diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Firdaus Effendy bin Mokhtar. Majlis bersejarah ini telah disaksikan oleh Menteri Besar Perak, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Saarani Bin Mohamad, Menteri Pengangkutan, Yang Berhormat Tuan Loke Siew Fook dan timbalannya, Yang Berhormat Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah serta Ahli Lembaga Pengarah kedua-dua pihak.

Lokasi yang strategik bersebelahan Stesen KTM Ipoh yang ikonik, Ipoh Sentral dibangunkan bertujuan untuk mengubah landskap bandar raya ini dengan menghubungkan ruang kediaman, komersial dan rekreasi bagi mewujudkan pembangunan yang mampan, persekitaran yang mempunyai ketersambungan dan bersepadu.

"Cadangan pembangunan Ipoh Sentral ini bakal membawa perubahan yang besar kepada Bandar Raya Ipoh. Ipoh Sentral bukan sahaja merupakan pencapaian penting dalam pembangunan infrastruktur negara, tetapi juga mencerminkan komitmen kita terhadap pertumbuhan yang mampan dan inovatif yang akan mengintegrasikan sistem Pengangkutan awam sedia ada. Konsep pembangunan bersepadu ini dengan anggaran nilai pembangunan kasar (gross development value, GDV) sebanyak RM 6.25 bilion, bukan sahaja akan menjadi hab pengangkutan moden yang menghubungkan pelbagai mod pengangkutan seperti kereta api dan bas, namun ianya akan turut membantu menaik taraf kualiti hidup rakyat melalui pembangunan bersepadu," kata YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan.

YAB Dato' Seri Haji Saarani Bin Mohamad, Menteri Besar Perak, menyatakan, "Ipoh Sentral melangkaui peranannya sebagai hab pengangkutan. Dengan keluasan 67 ekar dan dijadualkan untuk pembangunan berfasa selama 20 tahun bermula pada tahun 2025, projek ini akan menampilkan reka bentuk mesra pejalan kaki yang menghubungkan sambungan transit, ruang komuniti, plaza utama untuk seni dan budaya, kawasan awam yang dipertingkatkan, laluan sikal, dan sebuah masjid baharu. Reka bentuknya yang menghargai warisan Ipoh sambil menggabungkan daya tarikan moden, mencipta identiti seni bina yang menghubungkan masa lalu dan masa depan. Persekutuan yang inklusif dan bertenaga ini bakal meremajakan Ipoh, mempromosikan gaya hidup aktif, dan mengembalikan statusnya sebagai destinasi pelancongan utama. Dengan memberi keutamaan kepada pengangkutan mampan, projek ini selaras dengan Inisiatif Bandar Pintar Ipoh 2030, mendorong pelancongan domestik dan pertumbuhan bandar."

"Peranan ISSB bukan sahaja melibatkan pengurusan aset, malah bakal menjadikan Ipoh Sentral sebagai destinasi baharu yang menawarkan kawasan kediaman dan komersial yang menarik dan pada masa sama menggalakkan penggunaan perkhidmatan rel dengan adanya akses terus ke stesen KTM Ipoh. Kerjasama dengan MRCB adalah amat strategik yang mempunyai pengalaman luas dalam pembangunan TOD. Projek ini diharap dapat memberi impak positif kepada rakyat terutamanya dalam menghubungkan komuniti, pemangkin ekonomi tempatan dan kesejahteraan rakyat," kata Firdaus Effendy bin

Mokhtar, Ketua Pegawai Eksekutif Ipoh Sentral Sdn Bhd.

Datuk Imran Salim, Pengarah Urusan Kumpulan Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), berkata, “Ipoh Sentral TOD adalah contoh komitmen MRCB terhadap pembangunan bandar yang mampan dan inovatif. Dengan memanfaatkan kepakaran kami dalam pembangunan berorientasikan transit, kami berhasrat untuk mewujudkan hab yang inklusif dan bertenaga yang meningkatkan keterhubungan dan kualiti hidup penduduk Ipoh sambil memelihara warisan unik bandar ini. Projek ini mencerminkan komitmen kami untuk menyampaikan infrastruktur transformasi yang memacu pertumbuhan ekonomi dan pembangunan komuniti.”

Mengenai Ipoh Sentral Sdn Bhd

Ipoh Sentral Sdn Bhd (ISSB) ditubuhkan pada 26 Julai 2023 bertujuan untuk merealisasikan cadangan pembangunan Ipoh Sentral, sebuah kolaborasi strategik antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui syarikat milikan penuh Perbadanan Aset Keretapi (RAC) iaitu Railway Assets Holding Sdn. Bhd. (RAH) dan anak syarikat Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI) iaitu Silver Smart Sdn. Bhd. (SSSB).

Ipoh Sentral Sdn Bhd diberi tanggungjawab untuk melaksanakan, merancang, dan mengurus projek ini, termasuk menyediakan pembangunan infrastruktur, kediaman, komersial, serta rekreasi, sambil memastikan pelaksanaannya sejajar dengan matlamat pembangunan mampan.

Projek Ipoh Sentral dijangka memainkan peranan penting dalam meningkatkan daya tarikan bandar, mengurangkan kesesakan jalan raya melalui integrasi pengangkutan awam, serta menyumbang kepada pertumbuhan sosio-ekonomi setempat.

Dengan sokongan daripada Kerajaan Negeri Perak menerusi SSI sebagai pemudahcara berkaitan hal ehwal tanah, pihak berkuasa tempatan dan lain-lain jabatan/agensi teknikal

berkaitan pembangunan projek Ipoh Sentral. SSI merupakan salah satu agensi Kerajaan Negeri Perak yang memainkan peranan penting dalam melaksanakan pembangunan infrastruktur dan pembangunan awam bagi pihak Kerajaan Negeri Perak.

Selain itu, fungsi ISSB juga adalah sebahagian daripada rancangan pelan strategi perniagaan RAC untuk menerokai tanah-tanah hakmilik RAC di Perak yang berpotensi untuk dimajukan. Secara tidak langsung, pendapatan yang akan diterima oleh RAC melalui pembangunan ini akan disalurkan semula untuk digunakan bagi menaiktaraf infrastruktur dan kemudahan perkeretaapian sedia ada dalam usaha Kerajaan menyediakan kemudahan pengangkutan yang lebih baik kepada rakyat.

Mengenai MRCB

MRCB adalah syarikat terkemuka dalam bidang harta tanah dan pembinaan di kawasan bandar, yang telah tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia sejak tahun 1971.

Aktiviti Kumpulan merangkumi tiga bidang iaitu Pembangunan & Pelaburan Hartanah; Kejuruteraan, Pembinaan & Alam Sekitar serta Pengurusan Kemudahan & Parkir.

Sebagai pemaju kepada pembangunan ikonik RM18 bilion KL Sentral CBD, MRCB telah mempelopori Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) di Malaysia dan terus menetapkan piawaian untuk projek TOD bersepadu sepenuhnya pada masa hadapan.

Pendapatan pembangunan harta tanah MRCB disokong oleh bank tanah seluas 1,168 ekar dengan anggaran Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak RM38 bilion. Aktiviti pelaburan harta tanahnya dijalankan melalui pegangan ekuiti sebanyak 27.94% dalam Sentral REIT.

Selain daripada membina pembangunan komersial dan kediaman bertaraf dunia, Bahagian

Kejuruteraan, Pembinaan & Alam Sekitar MRCB juga mempunyai rekod prestasi yang mengagumkan dalam pembinaan lebuh raya, infrastruktur kereta api, projek penghantaran kuasa voltan tinggi serta pemulihan sungai dan kawasan pantai. Bahagian ini kini mempunyai buku pesanan luar sebanyak RM26.1 bilion.

Pemegang saham terbesar MRCB adalah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Untuk maklumat lanjut, sila lawati laman web www.mrcb.com.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila hubungi:

Ipoh Sentral Sdn Bhd

<i>Firdaus Effendy</i>	<u>(firdaus.effendy@ipohsentral.com)</u>	<i>05-5454 844</i>
<i>Nik Zayani</i>	<u>(nik.zayani@ipohsentral.com)</u>	<i>05-5454 844</i>

MRCB

<i>Haridas Sivadas (haridas@mrcb.com)</i>	<i>012-3309551</i>
<i>Liyana Yusoff (liyana.yusoff@mrcb.com)</i>	<i>014-7345361</i>